



Anwar mengadakan mesyuarat kerjasama dua hala bersama Paetongtarn sempena lawatan kerja ke Thailand, semalam. (Foto BERNAMA)

Malaysia, Thailand perkukuh hubungan dua hala, sempadan

Daripada
Wan Zairul Azri
Wan Mohammad
Sudin
bhnews@bh.com.my
di Bangkok



Anwar hargai Paetongtarn realisasi projek Jambatan Kedua Rantau Panjang - Pekan Golok

Malaysia dan Thailand melakar detik bersejarah dengan memeterai Perjanjian Pembinaan Jambatan Kedua Rantau Panjang - Pekan Golok, semalam menandakan permulaan rasmi projek infrastruktur rentas sempadan utama kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menzahirkan penghargaan kepada rakan sejawatannya dari Thailand, Paetongtarn Shinawatra kerana merealisasikan projek berkenaan.

Perkara itu dinyatakan Anwar pada mesyuarat dua hala bersama Paetongtarn di Government House, di sini, sempena lawatan kerja dua harinya ke sini, bermula semalam.

"Tahniah atas komitmen untuk mengukuhkan hubungan

dua negara dan sempadan (Malaysia-Thailand).

"Projek ini sudah lama dibincangkan dan di bawah kepimpinan Paetongtarn, ia direalisasikan," katanya.

Mesyuarat kira-kira 30 minit turut dihadiri Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz serta Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri Aman Mohamed Zin.

Pada masa sama, Anwar berterima kasih kepada Perdana Menteri Thailand atas persetujuan mengadakan mesyuarat dua hala berkenaan meskipun pemberitahuan dalam tempoh singkat.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, beliau akan turut mengadakan pertemuan bersama Kumpulan Penasihat Tidak Rasmi kepada Pengerusi ASEAN untuk berkongsi isu yang berlaku ketika ini.

"Ini termasuk dasar tarif Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump dan perjumpaan terbaharu bersama Presiden China, Xi Jinping," katanya.

Bantuan pelbagai aspek

Sementara itu, Paetongtarn berkata, sebagai negara anggota ASEAN, Thailand komited untuk membantu rakan blok gabungan itu dalam menghadapi cabaran semasa.

"Thailand akan membantu sesama kita (negara anggota ASEAN) dalam pbagai aspek yang

berlaku di dunia kini," katanya.

Selesai mesyuarat berkenaan, kedua-dua pemimpin menyaksikan pertukaran perjanjian berkaitan pembinaan jambatan kedua serta kerja menaik taraf jambatan sedia ada yang menghubungkan Rantau Panjang di Kelantan dan Pekan Golok di Narathiwat.

Perjanjian terbabit ditandatangani Nanta dan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pengangkutan Thailand, Suriya Juangroongruangkit.

Anwar dijadual pulang ke tanah air hari ini.

Nanta dalam kenyataan memaklumkan, pembinaan jambatan baharu sepanjang 117 meter sejajar dengan jambatan sedia ada berserta kerja naik taraf menyeluruh terhadap struktur asal.

Dengan anggaran kos RM40.54 juta, projek terbabit dibiayai bersama kedua-dua kerajaan dan dijangka siap pada 2028.

Sejak menjalin hubungan diplomatik secara rasmi pada 1957, Malaysia dan Thailand menyaksikan jalinan kerjasama yang erat selaku negara berjiran.

Pada 2024, Thailand menjadi rakan dagang ketujuh terbesar Malaysia pada peringkat global dan ketiga terbesar dalam kalangan negara ASEAN dengan jumlah dagangan RM114.56 bilion.

Dari Januari hingga Februari lalu, jumlah dagangan dua hala mencecah RM17.65 bilion berbanding RM16.8 bilion dalam tempoh sama tahun lalu.